

KESAN SEJARAH TERHADAP PEMBANGUNAN
INDUSTRI PELANCONGAN

P.T.A.R.

338.4791
SAY

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Penekanan terhadap pelancongan di Malaysia hanya berlaku baru-baru ini sahaja. Walaupun pada tahun 1960-an dan 70-an, potensi kegiatan tersebut telah diperakui, namun usaha yang dijalankan untuk mempertingkatkan sektor ini dan membekalkan perkhidmatan sokongan kepada sangatlah sedikit. Ini adalah kerana dalam jangka masa itu, lebih banyak tumpuan diarahkan kepada sektor yang lebih "dinamik" dan pesat berkembang seperti perindustrian dan perdagangan.

Pelancongan mula mendapat perhatian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Empat (1981 - 1985). Antara sebab mengapa sektor ini semakin mendapat perhatian ialah kerana ia dianggap mempunyai potensi menerbitkan tukaran asing dan membantu mengatasi masalah berkaitan dengan imbalan pembayaran negara.

Sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Empat, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program bantuan dan insentif kepada industri pelancongan.

1.2 Kenyataan Masalah

Sebagai destinasi pelancongan, negara Malaysia berpotensi besar ke arah tersebut kerana ia mempunyai pelbagai daya tarikan. Selain daripada terdapatnya pantai-pantai yang cantik, keindahan alam semulajadi, kawasan pergunungan, taman rekreasi hutan lipur, negara kita juga mempunyai banyak kesan-kesan peninggalan sejarah yang tinggi nilainya.

Bagi negeri Perak Darul Ridzuan, bandar Taiping yang terletak terletak didalam Daerah Larut Matang Dan Selama memang kaya dengan warisan sejarah yang kebanyakannya dibina sejak dari zaman Pra Sejarah sehinggalah ke zaman Penjajahan British. Bandar ini merupakan bandar yang tertua dan terawal di dalam negeri Perak . Tetapi malangnya kawasan ini kurang mendapat perhatian yang sepenuhnya dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Sementara penyertaan orang awam didapati terlalu kurang bilangannya dalam memajukan industri ini.

Sekiranya kawasan dan tempat-tempat ini dibaikpulih dan dibangunkan semula, ia bukan sahaja akan meningkatkan lagi daya tarikan kawasan tersebut bagi pelancong malah ianya akan merupakan satu-satunya warisan untuk generasi-generasi akan datang serta aset yang bernilai bagi ekonomi bandar Taiping itu sendiri.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal dan menentukan bahawa warisan sejarah sebagai salah satu faktor tarikan dalam pembangunan industri pelancongan bagi bandar Taiping dalam Daerah Larut Matang ^{dan Selama,} Negeri Perak Darul Ridzuan.

1.4 Objektif Kajian

Untuk mencapai tujuan kajian diatas beberapa objektif telah dibentuk seperti berikut:

- a. Mengenalpasti dan mengkaji tempat - tempat pelancongan sediaada di dalam kawasan bandar bandar Taiping.
- b. Mengenalpasti dan mengkaji lokasi dan kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan bersejarah sebagai kawasan perlancongan.
- c. Mengenalpasti dan mengkaji kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan.
- d. Mengenalpasti kemudahan-kemudahan sokongan yang sediaada seperti jalanraya, sistem pengangkutan, rumah tumpangan dan lain-lain kemudahan di kawasan kajian.

- e. Mengkaji dan menganalisa pendapat dan pandangan orang ramai terhadap kawasan-kawasan yang dikaji.
- f. Membentuk cadangan-cadangan pembaikan dan pemeliharaan bagi kawasan-kawasan yang dikenali mempunyai potensi tarikan pelancong.

1.5 Skop Kajian

Secara amnya, kajian dibuat di sekitar bandar Taiping, Perak Darul Ridzuan. Ini adalah kerana bandar Taiping merupakan bandar yang tertua di Perak yang mempunyai pelbagai nilai warisan sejarah. Kebanyakan tempat atau kawasan yang dikaji dibina di dalam tahun 1840 - an sehinggalah tahun 1890-an dan pada masa inilah wujudnya zaman-zaman pemerintahan kesultanan Perak serta campurtangan pihak British.

Kajian-kajian dibuat terhadap keseluruhan tempat dan kawasan-kawasan tersebut dan lebih menumpukan kepada kawasan yang telah sedia maju serta kawasan yang berpotensi untuk dieksplotasikan.